

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

ATW261 - PRINSIP KEWANGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain daripada soalan-soalan 2 hingga 5.

Soalan 1

Kunci Kira-Kira dan Penyata Pendapatan bagi syarikat Anwar, Anwar & Anwar di berikan seperti berikut:

KUNCI KIRA-KIRA ('000)

Tunai	RM 500
Akaun Belum Terima	1,500
Inventori	500
Aset Semasa	RM2,500
Aset Tetap Bersih	5,000
Jumlah Aset	RM7,500
Akaun Belum Bayar	RM1,200
Nota Bank	300
Jumlah Liabiliti Semasa	RM1,500
Hutang Jangka Panjang	4,000
Saham Biasa	300
Perolehan Tertahan	1,700
Jumlah Liabiliti & Ekuiti Pemilik	RM7,500

...2/-

PENYATA PENDAPATAN ('000)

Jualan Bersih	RM8,500
Kos Barang DiJual	(3,400)
Untung Kasar	RM5,100
Perbelanjaan Operasi	(2,900)
Pendapatan Operasi Bersih	RM2,200
Perbelanjaan Faedah	(580)
Perolehan Sebelum Cukai	RM1,620
Cukai Pendapatan (34%)	(551)
Pendapatan Bersih	RM1,069

Dikehendaki:

- (a) Hitungkan nisbah-nisbah berikut (tunjukkan formula dan jalan kerja):
- (i) Nisbah Semasa
 - (ii) Nisbah Ujian Asid
 - (iii) Nisbah Hutang
 - (iv) Pusingganti Jumlah Aset
 - (v) Pusingganti Inventori
 - (vi) Margin Keuntungan Operasi
 - (vii) Margin Keuntungan Bersih
- (b) Hitungkan jumlah jualan dalam bentuk amaun (ringgit) yang diperlukan oleh syarikat untuk mencapai kadar pulangan 18% atas jumlah aset bagi tahun akan datang.

[25 markah]

Soalan 2

Dikehendaki:

- (a) Diberikan kadar inflasi dijangka (i) sebanyak 6.3% dan kadar faedah sebenar (R) sebanyak 4.7%, kirakan kadar faedah nominal (r).
- (b) Jika kadar faedah nominal (r) diberikan sebanyak 14.2% dan kadar inflasi dijangka (i) sebanyak 5.5%, apakah kadar faedah sebenar (R)?
- (c) Diberikan kadar inflasi dijangka (i) sebanyak 6.13% and kadar faedah sebenar (R) sebanyak 7.56%, apakah premium inflasi sebenar?

[25 markah]

...3/-

Soalan 3

Dikehendaki:

- (a) Jika anda depositkan RM1,000 setahun ke dalam suatu akaun simpanan yang memberikan faedah 4 peratus dikompaunkan setiap tahun, berapa banyakkah yang akan anda perolehi dalam masa 10 tahun?
- (b) Jika anda mempunyai kos melepas sebanyak 10 peratus, berapa banyakkah yang sanggup anda laburkan setiap tahun untuk mengumpulkan RM4,000 dalam masa 10 tahun?
- (c) Anda sedang mempertimbangkan suatu pelaburan yang mempunyai aliran tunai sebanyak RM500 dalam tahun pertama, dan RM400 setahun dalam 4 tahun berikutnya. Jika kos melepas ialah 10 peratus, berapakah nilai pelaburan ini kepada anda hari ini?

[25 markah]

Soalan 4

Dikehendaki:

- (a) Syarikat Black Eye telah membayar dividen sebanyak RM3.70 tahun lepas. Anda percaya yang kadar pertumbuhan jangka panjang bagi dividen syarikat ini ialah sebanyak 8 peratus setahun. Jika kadar pulangan perlu anda untuk Black Eye ialah 14 peratus, berapakah harga yang anda sanggup bayar untuk saham syarikat ini?
- (b) Pulangan pasaran bagi tempoh akan datang di jangka sebanyak 16 peratus; kadar bebas-risiko ialah 10 peratus. Hitungkan kadar pulangan perlu bagi sesuatu saham yang mempunyai beta 1.5.
- (c) DSAI & Co. mempunyai beta 0.656. Jika pulangan pasaran dijangka ialah 13.2% and kadar bebas-risiko ialah 5.7%. Dengan menggunakan Model Penentuan Harga Aset Modal (CAPM), hitungkan kadar pulangan perlu yang sesuai bagi DSAI & Co.

[25 markah]

...4/-

Soalan 5

Syarikat Sabarudin Tukang Kasut (STK) mengeluarkan kasut kulit lelaki. Harga jualan purata bagi sepasang kasut keluaran syarikat ini ialah RM132. Kos Bolehubah bagi sepasang kasut ialah RM80. STK mempunyai kos tetap tahunan sebanyak RM90,000.

Dikehendaki:

- (a) Apakah titik pulang modal dalam unit bagi STK?
- (b) Apakah titik pulang modal dalam nilai ringgit jualan syarikat ini?
- (c) Berapakah keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan pengeluaran dan jualan (i) 2,000 pasang kasut; (ii) 10,000 pasang kasut?
- (d) Tentukan darjah keumpilan operasi (DOL) bagi kedua-dua paras pengeluaran dan jualan yang diberikan dalam (c) di atas.

[25 markah]

-----ooo000ooo-----